



Peraturan-peraturan Kejohanan Olahraga MSSPP Peringkat Zon Tahun 2023

1 UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan – Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan-Peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)

2 ACARA – ACARA DAN UKURAN SERTA TIMBANGAN ALAT – ALAT PERTANDINGAN

ACARA	LELAKI				PEREMPUAN			
	18 TKB	15 TKB	12 TKB	10 TKB	18 TKB	15 TKB	12 TKB	10TKB
100M	X	X	X	X	X	X	X	X
200M	X	X	X	-	X	X	X	-
400M	X	X	-	-	X	X	-	-
800M	X	X	-	-	X	X	-	-
1200M	-	-	-	X	-	-	-	X
1500M	X	X	-	-	X	X	-	-
2000M	-	-	X	-	-	-	X	-
3000M (TERBUKA)	X		-	-	X		-	-
80M L.BERPAGAR	-	-	X 0.762M	-	-	-	X 0.762M	-
100M L.BERPAGAR	-	-	-	-	X 0.762M	X 0.762M	-	-
110M L. BERPAGAR	X 0.914M	X 0.838M	-	-	-	-	-	-
200M L.BERPAGAR	-	X 0.838M	-	-	-	X 0.762M	-	-
400M L.BERPAGAR	X 0.838M	-	-	-	X 0.762M	-	-	-
2000M L. BERHALANGAN	X 0.838M	X 0.762M	-	-	X 0.762M		-	-
3000M JALAN KAKI	-	-	-	-	-	X	-	-

5000M JALAN KAKI	-	X	-	-	X	-	-	-
10000M JALAN KAKI	X	-	-	-	-	-	-	-
4X100M	X	X	X	-	X	X	X	-
4X200M	-	-	X	-	-	-	X	-
4X400M	X	X	-	-	X	X	-	-
LOMPAT JAUH	X	X	X	X	X	X	X	X
LOMPAT KIJANG	X	X	-	-	X	X	-	-
LOMPAT TINGGI	X	X	X	-	X	X	X	-
LONTAR PELURU	X 5KG	X 4KG	X 2.72 KG	-	X 3KG	X 3KG	X 2.72 KG	-
MEREJAM LEMBING	X 700G	X 600G	-	-	X 500G	X 500G	-	-
MELEMPAR CAKERA	X 1.5KG	X 1.0KG	-	-	X 1.0KG	X 1.0KG	-	-
BALING TUKUL BESI (TERBUKA)	X 5.0KG		-	-	X 3.0KG		-	-
LOMPAT BERGALAH (TERBUKA)	X		-	-	X		-	-
HEPTATHLON (TERBUKA)	-	-	-	-	X		-	-
OKTATHLON (TERBUKA)	X		-	-	-	-	-	-

2.1 Acara 80 METER LARI BERPAGAR

BIL. PAGAR	TINGGI PAGAR	PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN	PAGAR KE PAGAR	PAGAR 8 KE GARISAN PENAMAT
8	0.762 M	12.00 METER	8.00 METER	12.00 METER

2.2 Acara 200 LARI BERPAGAR

KATEGORI	BIL. PAGAR	TINGGI PAGAR	PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN	PAGAR KE PAGAR	PAGAR 5 KE GARISAN PENAMAT
LELAKI 15 TKB	5	0.838 M	20 METER	35 METER	40 METER
PEREMPUAN 15 TKB	5	0.762 M	20 METER	35 METER	40 METER

2.3 Acara 2000 METER LARI BERHALANGAN

2.3.1 Ketinggian pagar Halangan: **0.838m** (18 L), **0.762m** (Perempuan Terbuka/15 L)

2.3.2 Lompat Halangan : 18 kali

Lompat Air : 5 kali

Lompatan air ialah lompatan kedua dalam pusingan pertama dan kemudiannya lompatan yang keempat dalam pusingan yang berikutan

2.4 Acara lari berganti-ganti

2.4.1 Pengurus pasukan perlu menyediakan nombor lorong untuk setiap pasukan acara lari berganti-ganti.

2.5 Acara 4 X 200 M

2.5.1 Pelari Pertama akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 X 400 M

2.5.2 Pelari Kedua akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan.

2.5.3 Pelari Ketiga akan bersedia di garisan ½ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 X 400 M). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing – masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.

2.5.4 Pelari Akhir akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut ” start list ”, dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

2.6 Acara HEPTATHLON (PEREMPUAN TERBUKA)

2.5.1 Hari Pertama : 100m Lari Berpagar, Lompat Tinggi Melontar Peluru dan 200m.

2.5.2 Hari Kedua : Lompat Jauh, Merejam Lembing dan 800m

2.7 Acara OKTATHLON (LELAKI TERBUKA)

2.6.1 Hari Pertama : 100m, Lompat Jauh, Melontar Peluru dan 400m

2.6.2 Hari Kedua : 110m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Merejam Lembing dan 1500m

2.8 Untuk acara gabungan (Heptathlon & Oktathlon), Baling Tukul Besi dan Lompat Bergalah peserta-peserta akan terus layak peringkat negeri.

3 HADIAH DAN SIJIL

Semua peserta yang melepasi taraf akan diberi sijil penyertaan dan bagi peserta yang berjaya mendapat tempat ketiga, kedua dan pertama akan diberi sijil pencapaian dan pingat (pemenang-pemenang sahaja).

3.2 Acara Individu 3000m dan jarak lebih daripadanya serta acara Heptathlon dan Oktathlon – Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan Keenam

Acara Pasukan – **Enam** pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat Pertama, Kedua dan Ketiga

ACARA PERTANDINGAN

Setiap sekolah adalah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan bagi acara Lari Berganti-Ganti

4.2 Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut :

KUMPULAN UMUR	INDIVIDU	LARI BERGANTI-GANTI
18 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
15 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
12 TKB	2	2
10 TKB	2	2

4.3 Peserta – peserta Heptathlon dan Oktathlon **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara individu yang lain

4.4 Pihak sekolah digalakkan menghantar peserta yang telah menjalani proses latihan yang berstruktur dan berterusan.

KELAYAKAN AM PESERTA

Semua peserta yang bertanding akan mengikuti umur tahun semasa:

KUMPULAN UMUR	TAHUN LAHIR
18 TKB	2005 - 2007
15 TKB	2008 - 2010
12 TKB	2011 - 2012
10 TKB	2013 - 2014

Peserta-peserta yang dihantar mesti adalah pelajar yang sedang atau masih belajar di sekolah tersebut, pertukaran antara sekolah adalah **DILARANG** sekali.

Murid-murid yang **BUKAN** warganegara Malaysia digalakkan mengambil bahagian di peringkat daerah/zon dan negeri sahaja. Murid-murid tersebut juga tidak dibenarkan mewakili MSSPP ke kejohanan peringkat kebangsaan.

Murid-murid yang menerima surat tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Rendah dari Kementerian Pelajaran Malaysia dan wajib disahkan pendaftaran oleh Pengetua/Penolong Kanan sekolah berkenaan dan dibenarkan bertanding di peringkat zon, negeri dan kebangsaan.

PENDAFTARAN DAN PENGESAHAN PESERTA-PESERTA

Pendaftaran peserta hendaklah dibuat mengikut **tatacara sistem pendaftaran masuk** yang telah ditetapkan oleh pengelola.

Peserta-peserta setiap sekolah perlu sertakan **satu salinan kad pengenalan** atau **salinan sijil lahir yang telah disahkan oleh Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan** dan pihak sekolah perlu cetak **satu salinan senarai cetak daftar** daripada tatacara sistem pendaftaran.

Dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas perlu dihantar pada **hari pertama (07.08.2023, Zon Pulau) (08.08.2023, Zon Seberang Perai)** kejohanan di **bilik data kejohanan**.

Semua peserta **WAJIB** membawa kad pengenalan asal atau mana-mana dokumen yang setaraf dengannya sebagai pengesahan rasmi.

Tiada penambahan peserta baru atau pertukaran peserta dan penggantian peserta selepas tamat tempoh pendaftaran

(21.07.2023 - 03.08.2023)

Setiap sekolah yang terlibat akan diberi satu slip pendaftaran yang bercetak laman web, nama pasukan/sekolah, *username* serta *password*.

Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan semasa di bilik panggilan peserta, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan Berdaftar, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.

MELAPORKAN DIRI PESERTA

Semua peserta mesti melaporkan diri seperti jadual di bawah sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta

ACARA	MASA LAPOR DIRI	MASA BERGERAK KE ARENA
Balapan	20 minit sebelum acara bermula	10 minit sebelum acara bermula
Lontaran, L. Jauh, L.Kijang	30 minit sebelum acara bermula	20 minit sebelum acara bermula
Lompat Tinggi	55 minit sebelum acara	45 minit sebelum acara bermula

- 7.2 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, sebelum acara mereka dimulakan, Referi Bilik Panggilan **boleh membatalkan penyertaan** dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri.
- 7.3 Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan
- 7.4 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing

8 PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN

- 8.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diringi oleh Penyelia Peserta
- 8.2 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta merta tanpa memasuki padang.

9 MEMANASKAN BADAN

Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditentukan oleh pengelola.

BIB NOMBOR PESERTA

Peserta-peserta perlu menggunakan bib nombor yang terkini dan yang ditetapkan oleh pihak MSSPP.

Bib nombor yang ditulis tangan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

BANTAHAN

Sekiranya ada bantahan, hanya pengurus pasukan dibenarkan mengambil tindakan. Bantahan hendak dibuat secara bertulis dan disertakan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus) tunai.

Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak berasas dan ditolak.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola dalam masa tiga puluh minit (30) selepas pertandingan.

Juri Rayuan hendaklah mengadakan mesyuarat selepas Jawatankuasa Pengelola Pertandingan mendapati bantahan yang hendak dibuat dipertimbangkan selepas bantahan diterima.

Keputusan Juri Rayuan hendaklah disampaikan secara rasmi kepada pasukan dan MSSPP.

12 HAK – HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 12.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Olahraga MSSPP, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, Pengurus-Pengurus Pasukan akan diberitahu.
- 12.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-Undang Olahraga KOM terkini, Peraturan-Peraturan Am MSSM atau Peraturan-Peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSM.

13 HAL – HAL LAIN

- 13.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut
- 13.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPAPUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN**
- 13.3 Jawatankuasa tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta benda / sebarang kecederaan lain berlaku :
 - 13.3.1 Semasa perjalanan pergi dan balik dari penginapan ke stadium
 - 13.3.2 Semasa kejohanan dijalankan
 - 13.3.3 Di dalam dan di luar kawasan stadium
 - 13.3.4 Di tempat-tempat penginapan
- 13.4 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan

kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah.

- 13.5 Sebarang rakaman video yang dirakam oleh penonton, waris, jurulatih atau guru pengiring tidak akan diterima sebagai bukti bantahan. Keputusan pegawai-pegawai teknikal dan pengurus kejohanan adalah muktamad.